

**MENKONSEPKAN KEKUATAN PENGARUH SUNGAI DALAM SEJARAH
KERAJAAN KUTAI DI BORNEO: SATU TINJAUAN UMUM**

**CONCEPTUALISING THE INFLUENCE OF RIVERS IN THE HISTORY OF THE
KUTAI KINGDOM IN BORNEO: A PRELIMINARY REVIEW**

Mosli Tarsat

Pusat Penyelidikan Ekonomi Biru dan Keselamatan Maritim,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Email: mos_79@ums.edu.my

Corresponding author: *mos_79@ums.edu.my

Dihantar: 2 Mac 2026/ Diterima: 1 April 2026/ Terbit: 30 Jun 2026

Abstrak

Sungai merupakan salah satu unsur geografi yang memainkan peranan penting dalam perkembangan tamadun dan pembentukan kerajaan sejak zaman awal. Di Borneo, kebanyakan kerajaan maritim berkembang di muara sungai utama yang berfungsi sebagai pusat penempatan, perdagangan, komunikasi dan pentadbiran. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada aspek perdagangan maritim, pelabuhan dan pelayaran, manakala pengaruh sungai sebagai faktor utama dalam pembentukan kerajaan masih kurang diberikan perhatian secara khusus dan konseptual. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis peranan Sungai Mahakam dalam pembentukan Kerajaan Kutai Martapura dan Kesultanan Kutai Kertanegara, di samping membina suatu kerangka konseptual baharu yang dikenali sebagai Teori Kekuatan Sungai (River Power Theory). Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan sejarah berasaskan kaedah kualitatif melalui analisis sumber primer seperti manuskrip, catatan awal dan dokumen sejarah, disokong oleh kajian literatur serta temu bual dengan informan terpilih. Analisis kajian memfokuskan kepada empat aspek utama, iaitu kedudukan geografi dan ciri fizikal Sungai Mahakam, pola penempatan penduduk, aktiviti ekonomi masyarakat, serta dasar pemerintahan kerajaan Kutai dalam menguasai perdagangan dan pelabuhan di muara sungai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kekuatan sesebuah kerajaan bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor politik dan perdagangan, malah sangat bergantung pada kelebihan sistem sungai yang menyediakan jaringan pengangkutan, sumber ekonomi, ruang penempatan, komunikasi dan mekanisme kawalan wilayah. Berdasarkan dapatan tersebut, artikel ini mengemukakan teori kekuatan sungai yang menjelaskan bahawa keupayaan sesebuah sungai, khususnya dari segi panjang aliran, bilangan anak sungai, kebolehlayaran dan penguasaan sumber di lembangan sungai, mempunyai hubungan langsung dengan pembentukan serta pengukuhan kuasa politik kerajaan di muara sungai. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan historiografi maritim

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

dengan mengangkat sungai sebagai komponen asas dalam memahami proses pembentukan kerajaan awal di Borneo dan Asia Tenggara.

Kata kunci: Sungai Mahakam, Kerajaan Kutai, sejarah maritim, , kekuatan pengaruh sungai, Borneo.

Pengenalan

Sungai merupakan elemen geografi yang memainkan peranan penting dalam perkembangan tamadun dan pembentukan kerajaan sejak zaman awal. Selain berfungsi sebagai sumber air, sungai menjadi medium perhubungan, pengangkutan, perdagangan, penempatan dan sumber ekonomi yang menyokong kehidupan manusia. Justeru, kebanyakan tamadun awal dunia seperti Tamadun Indus, Hwang Ho, Tigris-Euphrates serta pelbagai kerajaan maritim di Nusantara berkembang di sepanjang sungai dan muara sungai. Di Pulau Borneo, kerajaan-kerajaan seperti Kesultanan Brunei, Kesultanan Pontianak, Kesultanan Mempawah, Kerajaan Sambas dan Kerajaan Kutai turut memperlihatkan pola yang sama apabila pusat pemerintahan dan kegiatan ekonominya berkembang di kawasan muara sungai. Walaupun sejarah kerajaan-kerajaan ini sering dikaitkan dengan perdagangan maritim dan penguasaan laut, peranan sungai sebagai faktor asas yang membentuk kekuatan politik, ekonomi dan sosial masih kurang diberikan perhatian secara khusus dalam kajian historiografi maritim.

Dalam konteks ini, Sungai Mahakam di Kalimantan Timur merupakan contoh yang signifikan kerana menjadi asas kepada kemunculan Kerajaan Kutai Martapura pada abad ke-5 Masihi dan Kesultanan Kutai Kertanegara pada abad ke-13 Masihi. Keistimewaan sungai ini bukan sahaja terletak pada kedudukan geografinya yang strategik, sistem daerah aliran sungai yang luas, kekayaan sumber semula jadi serta jaringan anak sungainya, malah turut menyokong pertumbuhan penempatan, perdagangan, pelabuhan dan penguasaan wilayah. Berasaskan jurang penyelidikan tersebut, artikel ini meneliti hubungan antara kekuatan Sungai Mahakam dengan pembentukan kerajaan Kutai serta mengemukakan satu kerangka konseptual baharu, iaitu Teori Kekuatan Sungai (River Power Theory). Teori ini menghujahkan bahawa ciri fizikal sungai, keupayaan navigasi, jaringan anak sungai dan penguasaan sumber di lembangan sungai merupakan faktor strategik yang membentuk serta memperkukuh kuasa politik dan ekonomi kerajaan maritim di Borneo.

Sorotan kajian

Setakat ini, belum ada jawapan yang bersifat heuristik dan komprehensif yang menjelaskan hubungkait pengaruh sungai dalam pembentukan kerajaan awal khususnya di Borneo seperti kajian Anthony Reid dalam karyanya *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680*; Kenneth R.Hall dalam karyanya *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*; O.W.Walters dalam karyanya *The Fall of Srivijaya in Malay History*; Owen Rutter dalam karyanya *The Pirate Wind*; James Warren, Adrian Lopian, C.A.Majul, Anne Reber, Nicolas Tarling, D.G.Hall dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian Alfert Thayer Mahan yang berjudul *The Influence of Sea Power Upon History, 1600-1783*, menekankan kepentingan dan peranan kuasa laut kepada kekuatan keseluruhan sesebuah negara, prestij negara di peringkat antarabangsa dan keperluan ekonomi yang stabil (Alfert Thayer Mahan,

1890). Teori Mahan menjadi dasar strategi maritim negara-negara besar untuk mencapai negara maritim yang ideal. Mahan merumuskan enam karakter yang menjadi syarat sebuah negara potensial untuk mengembangkan sea power yaitu kedudukan geografi, bentuk tanah dan pantai, luas wilayah, jumlah penduduk yang turun ke laut, karakter nasional (penduduk) dan karakter pemerintah. Mahan tidak secara langsung menyimpulkan bahawa Inggris adalah negara maritim ideal, namun dengan melakukan perbandingan antara negara-negara yang memiliki kekuatan maritim di Eropa barat, seperti Belanda dan Perancis. Hasil penulisan telah menarik minat ramai penyelidik terutamanya di Britain, Jerman dan Jepun. Kata-kata "siapa yang menguasai laut, dia menjadi kuasa dunia" sinonim dengan teori Mahan dan sangat terkenal dalam dunia maritim.

Bernhard Limbong (2015) dalam karyanya berjudul Poros Maritim menekankan mengenai kedudukan Indonesia sebagai negara kepulauan terbesar di dunia sepatutnya menjadi kekuatan penting dalam pembangunan ekonominya. Kekayaan sumber laut merupakan potensi ekonomi yang mampu memberikan manfaat dan keuntungan besar kepada negara. Namun, beliau menyatakan lemahnya kebijaksanaan pemerintah terhadap pembangunan laut berasaskan *maritime policy* menjadikan pembangunan ekonomi bangsa Indonesia tidak maksima. Konsep Poros maritim ini sebenarnya membawa paradigma baru dari pengurusan kekayaan laut pro kapitalis ke pengurusan kekayaan laut pro kerakyatan. Poros maritim juga mengubah hala tuju ekonomi dari pembangunan darat (*land base*) ke pembangunan yang berasaskan kelautan (*ocean base*). Gagasan Poros Maritim ini cuba untuk mengembalikan semula kegemilangan Kerajaan Majapahit yang menguasai laut nusantara sebelum diubah oleh Belanda kepada ekonomi tanah daratan di Indonesia.

Karya Ita Syamtasyah Ahyat berjudul *Masyarakat Dayak di Kesultanan Kutai pada abad ke-19*, membincangkan mengenai sistem sosial masyarakat Kutai yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan agama yang hidup dengan aman dan harmoni di daerah aliran sungai Mahakam. Beliau menyatakan bahawa tahun 1825 merupakan tahun yang bermakna bagi Kesultanan Kutai kerana penguasa Hindia Belanda mulai mengarahkan perhatiannya ke wilayah Kutai. Sebelum ini kerajaan ini telah diatur dalam perjanjian Kesultanan Banjarmasin dengan pemerintah Hindia Belanda. Selepas tahun 1825, Kesultanan Banjarmasin telah menyerahkan wilayah ini kepada kuasa Belanda yang diwakili oleh George Muller. Beliau juga menyentuh bagaimana keadaan penduduk kerajaan kutai semasa pengaruh Kerajaan Majapahit dan Kesultanan Banjarmasin serta memperlihatkan hubungan orang Dayak dengan Kesultanan Kutai. Masyarakat Dayak yang mendiami wilayah kekuasaan Kesultanan Kutai, berdiam di cabang-cabang sungai Mahakam, dan hulu sungai Mahakam, mereka melakukan perdagangan antarsungai. Hal ini sangat membantu Kesultanan Kutai, yang merupakan kerajaan sungai, yang perekonomiannya tergantung pada wilayah hulu sungai. Perdagangan di sini antara lain hasil hutan, damar, sarang burung, beras dan lilin.

Sebahagian besar kajian lepas hanya memperlihatkan kepentingan dan peranan laut dalam dunia maritim terutamanya dari aspek pelayaran, perdagangan, pelabuhan, perikanan dan lain-lain lagi. Antara kajian lepas yang penting ialah seperti Peter Aughton (2007) dalam karyanya yang berjudul *Voyages That Changed the World* telah memperlihatkan bagaimana pelayaran mengharungi laut dan lautan di

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

dunia ini yang dilakukan oleh para pelayar samada untuk tujuan perdagangan, penyebaran agama, penjajahan, petempatan (koloni), pengembaraan dan sebagainya telah mengubah sejarah dunia. Dalam karyanya ini, Aughton telah memperlihatkan kesungguhan dan kegigihan para pelayar ternama dunia sejak zaman primitif kepada zaman moden mengharungi ombak dan badai semata-mata untuk mencapai impian masing-masing. Menurut Aughton lagi, hasil daripada pelayaran inilah telah berjaya menghubungkan dan membina peradaban manusia hingga ke hari ini. Hal ini disokong pula oleh Louise E. Levathes (1994) dalam karyanya yang berjudul *When China Ruled The Seas* pula memperlihatkan bagaimana laut telah menjadikan China sebagai sebuah kuasa maritim (1405-1433) yang begitu digeruni dunia melalui tujuh siri pelayaran yang dinakhodakan oleh Laksmana Zheng He bersama armadanya yang dikenali sebagai *The Treasure Fleet* ke Nusantara, India dan Afrika. Selain pelayar Eropah dan China, para pelayar tempatan bangsa Melayu juga tidak kurang hebatnya dalam sejarah pembinaan peradaban dunia.

O.W. Wolters (1967) berjudul *The Fall Of Srivijaya In Malay History* membincangkan sebuah kerajaan yang terletak di Palembang dari abad ke-7 hingga abad ke-14 merangkumi perdagangan, buruh, teknologi, laluan pedagang dari Asia Barat dan china dan pasaran Asia-Eropah. Beliau juga meneliti secara terperinci mengenai peranan laut dalam menentukan sejarah Asia Tenggara, namun penekanan tetap kepada persoalan politik dan budaya. Kajian ini diteruskan lagi oleh seorang sarjana Barat yang namanya cukup sinonim dengan sejarah maritim di rantau ini iaitu Anthony Reid (1988) dalam karyanya yang berjudul *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680*. Beliau telah memperlihatkan akan kepentingan laut di Nusantara sebagai laluan dan jambatan utama yang menghubungkan antara perdagang timur dan barat setelah berakhirnya era kegemilangan *silk route* di tanah besar Asia. Kajian ini disokong pula kajian Slamet Muljana (2006) dalam bukunya berjudul *Srivijaya* yang membincangkan keunggulan kerajaan Srivijaya di Nusantara. Beliau menyatakan sejarah Srivijaya merupakan sebuah kerajaan maritim terbesar di tanah Sumatera dan pusat lalu lintas niaga paling tua yang menjadi nadi ekonomi terpenting di Asia Tenggara.

Andrian Lapian (1987) dalam Karyanya Berjudul *Orang laut, Bajak laut, Raja laut: Sejarah kawasan laut Sulawesi abad ke XIX dan Kebudayaan Bahari di Kawasan laut Sulawesi*. Dalam kajian ini, beliau memperkenalkan konsep Raja laut sebagai penguasa utama di perairan laut, sudah tentu melibatkan peranan pentadbir dan komuniti maritim yang sering kali dilihat sebagai lanun dari kaca mata Barat khususnya bajak laut dan Orang laut sebagai pengikutnya. Sebenarnya kekuatan Barat seperti Sepanyol, Belanda, British dan Perancis ini merupakan suatu bentuk khusus dari konsep raja laut, walaupun mereka berasal dari luar Asia Tenggara tetapi mereka mempunyai kekuatan sehingga berjaya memegang kuasa maritim dan kuasa yang dominan di perairan Asia Tenggara. Pengalaman sejarah membuktikan bahawa kekuatan peribumi tidak dapat bertahan terhadap kekuatan kuasa barat dan akhirnya mereka membahagi-bahagikan Asia Tenggara mengikut wilayah kepentingan masing-masing. Menurut beliau, sesiapa yang dapat menjadi kerajaan Raja Laut yang kuat, maka merekalah kerajaan yang boleh berkembang pesat dari semasa ke semasa dari semua aspek sama ada politik, ekonomi dan sosial masyarakat maritim. Oleh itu, semua kerajaan awal di Nusantara terletak di hilir sungai dan persisiran laut untuk mendapatkan faedah dan keuntungan daripada pengaruh maritim semula jadi.

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

James Warren (1981) dalam bukunya yang berjudul *The Sulu Zone 1786-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, membicarakan aspek perdagangan, perhambaan dan komuniti di Asia Tenggara khususnya di laut Sulu. Beliau mendapati bahawa dari pertengahan abad ke-18 sehingga abad ke-19, berlaku kegiatan perlanunan di laut Sulu dan sistem perhambaan yang sangat ketara sehingga penghantaran hamba ke seluruh kepulauan Asia Tenggara. Penelitian juga dibuat dari segi sistem sosial yang menjadi faktor Kesultanan Sulu berjaya bebas dan bertahan sehingga tahun 1886 berbanding dengan kerajaan-kerajaan maritim yang lain. Perbincangan juga menyentuh aktiviti perdagangan yang melibatkan pedagang Barat dan pedagang China yang datang ke perlabuhan Jolo menjadi asas kekuatan Kesultanan Sulu. Ini adalah kerana kedudukan yang strategik dan laluan perdagangan, sudah tentu menjadi tumpuan seluruh dunia khususnya di rantau Asia Tenggara.

Jika diteliti kajian-kajian lepas di Asia Tenggara hanya berpaksikan kepada kekuatan laut sebagai medium utama dalam dunia maritim yang banyak mempengaruhi pasang surut kerajaan-kerajaan awal. Perkara ini memang tidak dinafikan khususnya kepada kerajaan yang terletak dipersisir pantai atau dekat dengan laut, tetapi kerajaan yang terletak jauh dari laut hanya bergantung kepada sungai atau dikenali juga sebagai kerajaan sungai kurang mendapat perhatian dalam kalangan sarjana. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan mengenai kekuatan pengaruh sungai Mahakam dalam dunia maritim dan hubungkaitnya dengan pembentukan kerajaan Kutai di Borneo. Perbincangan ini sangat penting bukan sahaja menghuraikan bagaimana sungai menjadi subjek utama dalam sejarah maritim tetapi apa yang lebih dititikberatkan dalam kajian ini ialah mengkonsepkan kekuatan pengaruh sungai yang akhirnya diangkat menjadi teori baru dalam kajian sejarah maritim yang dikenali sebagai teori kekuatan Sungai "*River Power Theory*".

Metod kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan sejarah sepenuhnya sebagai teras utama penghasilan kajian melalui kaedah penggunaan penyelidikan kualitatif untuk mendapatkan bahan-bahan penulisan. Fokus kaedah pengutipan bahan penulisan termasuklah penelitian sumber Sekunder atau kajian literatur untuk memahami konsep sungai dan persoalan pembentukan kerajaan awal. Memandangkan kajian ini adalah kajian tinjauan awal sebagai permulaan kepada kajian lanjut yang lebih mendalam mengenai kekuatan pengaruh sungai, maka kajian ini hanya tertumpu kepada sumber sekunder. Antara yang menjadi tumpuan ialah buku-buku dan artikel dalam jurnal atau atas talian yang berkaitan dengan Kerajaan Kutai. Pengkaji akan mencari bahan-bahan ini di Perpustakaan Nasional Indonesia, pustakaan Mulawarman Kutai Kartanegara, Kedai buku Gramedia, Penerbit Ombak, Penerbit Bambu dan di penerbit-penerbit di beberapa universiti di Indonesia khususnya di Universiti Maulawarman.

Perbincangan

Sungai Mahakam mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri jika dibandingkan dengan lain-lain sungai khususnya di Pulau Borneo. Sungai ini merupakan salah satu sungai yang terbesar di Borneo, panjangnya kira-kira 920 KM,

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

memiliki sekurang-kurang 13 anak sungai dan 76 danau yang tersebar di Daerah Aliran Sungai (DAS). Dengan kekuatan sifat semulajadi inilah tidak dinafikan terbentuk dua kerajaan yang terkenal di muara sungai ini. iaitu kerajaan Kutai kuno (Martapura) dan Kesultanan Kutai Kertanegara. Kerajaan Kutai Martapura adalah kerajaan tertua di Pulau Borneo yang diasaskan oleh Kudungga (Aumerta Dewawarma) pada abad ke-5M terletak di Muara Kaman menyusuri hulu Sungai Mahakam. Kerajaan ini bercirikan sebuah kerajaan Hindu-Budha dan dikenali sebagai kerajaan berasaskan sungai. Zaman Kegemilangan kerajaan ini ialah semasa pemerintahan Maharaja Mulawarman. Menurut catatan Sofwan Noerwidi,

“Pada salah satu percabangan anak sungainya terdapat situs Muarakaman, yang dipercayai sebagai lokasi tonggak awal masa sejarah Nusantara. Situs Muarakaman berjarak ± 118 KM arah barat laut dari Kota Tenggarong, ibu kota Kabupaten Kutai Kartanegara. Secara administratif tepatnya di Desa Muarakaman Ulu, Kecamatan Muarakaman, Kabupaten Kutai Kartanegara Kalimantan Timur. Lokasinya terletak cukup jauh di hulu sungai Mahakam, pada sebuah perkampungan yang terletak di percabangan antara Sungai Mahakam dan Sungai Kedang Rantau. Situs Muarakaman diperkirakan merupakan bekas lokasi Kerajaan Kutai Mulawarman dengan ditemukannya beberapa buah prasasti tiang batu “yupa” di Bukit Berubus pada tahun 1878”.

Pada awal abad ke-13M, berdiri sebuah kerajaan baru di Tepian Batu/ kutai lama yang juga terletak di kawasan Sungai Mahakam bernama Kesultanan Kutai Kertanegara. Kedua-dua kerajaan ini mempunyai persamaan ketara dari segi kemunculan dan pembentukannya iaitu di muara Sungai Mahakam. Timbul persoalan mengapa kerajaan ini terletak di muara sungai? Apakah hubungkait kerajaan ini dengan sungai? Bagaimana sungai boleh membentuk kerajaan? Inilah persoalan utama dalam kajian ini. Terdapat pelbagai sebab dan musabab yang dikemukakan sarjana berkaitan dengan persoalan pembentukan kerajaan ini seperti kebijaksanaan pemerintahnya, perkembangan aktiviti perdagangan dan perkapalan, pembinaan pelabuhan dan kepesatan ekonominya, kemajuan teknologi dan sebagainya. Namun, semua jawapan yang dikemukakan tidak menyeluruh sifatnya dan perlu satu kajian yang terperinci dalam hal ini. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sejauhmana pengaruh sungai Mahakam dapat membentuk kerajaan Kutai di Kalimantan Timur Borneo.

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji kekuatan pengaruh sungai Mahakam dalam pembentukan Kerajaan Kutai di Borneo. Untuk mencapai tujuan penulisan ini, pengkaji menetapkan tiga objektif utama sebagai intipati kajian iaitu pertama, membincangkan kepentingan sungai kepada peradaban manusia dengan kemunculan kerajaan-kerajaan maritim. Kedua, mengkonsepkan kekuatan pengaruh sungai dengan membina lima elemen utama dalam pembentukan sesebuah kerajaan awal. Ketiga, meneliti hubungan sungai Mahakam dengan pembentukan dan perkembangan Kerajaan Kutai

Hasil dapatan kajian

Berdasarkan tinjauan awal, kajian ini telah menghasilkan tiga dapatan utama yang sangat penting dalam melihat pengaruh sungai dalam sejarah pembentukan kerajaan Kutai di Borneo.

(1) Kepentingan sungai kepada peradaban manusia

Sungai secara umumnya dimaknai sebagai satu aliran air tawar yang mengalir melalui saluran di lapisan tanah secara semulajadi, dimulai dari dataran tinggi atau di bukit atau gunung dan mengalir turun dari tinggi ke dataran rendah sehingga sampai ke laut, danau, lembah, teluk dan muara sungai. Keadaan aliran air ini adalah disebabkan oleh tarikan graviti bumi. Menurut *National Geographic*, sungai adalah air besar semulajadi yang mengalir sepanjang tahun atau bermusim dan dapat ditemukan di setiap benua seluruh dunia. Namun, sifat semulajadi sungai ini tidak bermakna tanpa adanya tindakan-tindakan manusia yang menghidupkan kepentingan sungai dalam kehidupan seharian mereka. Kepentingan ini merujuk kepada fungsi sungai kepada manusia iaitu sebagai medium lalu lintas, sumber air untuk aktiviti pertanian, sebagai sumber protein, dijadikan tempat untuk beriadah, mewujudkan peluang pekerjaan dan menambahkan pendapatan dan sungai juga boleh dijadikan sebagai sumber bekalan air kepada manusia. Dengan fungsi inilah, maka tidak hairan mengapa manusia membina penempatan awal di tepi sungai sehingga lahirnya tamadun awal manusia dan kerajaan-kerajaan awal di seluruh dunia. Misalnya, di Nusantara sekitar abad ke-13 hingga abad ke-16, terbentuk beberapa kerajaan di muara sungai seperti kerajaan Srivijaya terletak di tepian sungai Musi, Palembang; Kerajaan Majapahit di selatan Sungai Brantas; Kerajaan Kendi di sungai Brantas, Jawa Barat; Kesultanan Melayu Melaka di Sungai Melaka dan sebagainya. Semua kerajaan ini walaupun dalam catatan sejarah merupakan kerajaan maritim yang terkenal tetapi kebergantungan dengan pengaruh sungai mengukuhkan lagi kekuatan kerajaan tersebut.

Bermula dengan kemunculan kerajaan-kerajaan maritim ini, menyaksikan kerancangan dan keghairahan dalam menguasai ekonomi kelautan khususnya aktiviti perdagangan dan sumber-sumber berasaskan laut. Kerajaan ini menjadikan ekonomi kelautan sebagai teras utama dalam dasar pemerintahannya seperti yang diketengahkan oleh Muhammad Yusoff Hashim, Barbara Andaya, Y. Leonard, Liaw Yock Fang, P. Wheatley, C.C. Brown, R. Bradell, O.W. Wolters, M.B. Hooker dan sebagainya. Semua sarjana ini mengakui bahawa kegembiraan dan keunggulan semua kerajaan ini yang berdaulat adalah disebabkan oleh aktiviti perdagangan dan hasil kekayaan sumber lautnya. Misalnya Anthony Reid dengan jelas memperlihatkan akan kepentingan laut sebagai laluan dan jambatan utama yang menghubungkan antara pedagang timur dan barat melalui kerajaan-kerajaan awal di Nusantara (Anthony Reid, 2000:4-5). Dengan wujudnya laluan perdagangan tersebut, secara tidak langsung telah membawa kepada perkembangan dan pertumbuhan kuasa kerajaan-kerajaan ini sehingga dikenali dan disegani khususnya oleh pedagang-pedagang luar. Namun kerajaan-kerajaan maritim ini bertembung dengan kuasa-kuasa barat seperti Portugis, Belanda, Sepanyol, Perancis, Amerika Syarikat dan British. Pertembungan ini adalah disebabkan oleh kesan revolusi perindustrian di Eropah. Kehadiran kuasa-kuasa Barat ini telah melemahkan kuasa dan kedudukan kerajaan-kerajaan ini dan akhirnya mengalami keruntuhan di bumi sendiri. Apa yang jelas, Portugis (Melaka), Belanda (Batavia dan kepulauan Jawa), Sepanyol dan Amerika (kepulauan Filipina), Perancis (Indo-China) dan British (Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak) telah membawa perubahan yang ketara dari segi dasar dan polisi dalam menentukan hala tuju pembangunan ekonomi kelautan. Perubahan ini tidak bermaksud menghapuskan ekonomi tradisi secara mutlak tetapi lebih menitikberatkan ekonomi tanah daratan yang mendapat permintaan tinggi di Eropah

dan melaksanakan dasar perdagangan bebas. Manakala ekonomi berasaskan sumber laut hanya dijadikan sebagai pembantu kepada perkembangan ekonomi tanah daratan dan pembekal kepada sumber makanan buruh sama ada dalam sektor perladangan mahupun dalam sektor perlombongan.

Dalam konteks di Pulau Borneo, pulau ini merupakan pulau ketiga terbesar di dunia dan mempunyai keistimewaan tersendiri dalam dunia maritim. Keistimewaan ini berhubung kait dengan kedudukan geografinya yang dikelilingi oleh empat laut utama iaitu Laut China Selatan, Laut Sulu, Laut Celebes (Sulawesi) dan Laut Jawa. Terdapat dua teluk utama iaitu Teluk Makassar di Kalimantan Timur dan Teluk Karimata di Laut Jawa. Laut dan teluk ini menjadikan pulau ini terdedah kepada pengaruh laur, aktiviti perdagangan, laluan perkapalan dan tempat persinggahan kapal-kapal dagang. Di tambah pula kedudukan pulau ini yang terletak di Pentas Sunda dengan kedalaman perairannya adalah cetek iaitu tidak melebihi 200 meter. Kedudukan di Pentas Sunda ini menyebabkan ia menjadi salah satu kawasan yang kaya dengan sumber perikanan di rantau Asia Tenggara. Perkara ini diakui sendiri oleh John Hunt iaitu seorang pengembara Inggeris dalam tahun 1812. Menurut beliau, sekiranya wujud satu sistem pentadbiran yang jelas, pulau ini akan menjadi suatu ruang yang membawa keuntungan kepada pedagang Eropah dalam masa yang singkat. Begitu juga dengan pemerhati Belanda dan Inggeris amat bersetuju dengan pandangan beliau (Graham Irwin,1986:1). Keadaan ini jelas memperlihatkan kekuatan kedudukan geografi, bentuk fizikal bumi dan kekayaan sumber semula jadi menjadi asas kepada kemunculan kerajaan-kerajaan baru sekitar abad ke-5M hingga abad ke-15M. Dalam tempoh ini, terdapat sekurang-kurangnya sepuluh kerajaan yang terkenal dan berpengaruh di Borneo iaitu Kesultanan Brunei, Kesultanan Bolongan, Kesultanan Pasir, Kesultanan Banjarmasin, Kesultanan Pontianak, Kesultanan Mempawah, Kerajaan Sukadana, Kerajaan Sambas, Kerajaan Landak dan termasuklah kerajaan Kutai (Sanib Said,2012:30). Sebahagian kerajaan ini merupakan kerajaan yang berteraskan kepada Hindu-Budha dan sebahagiannya lagi berteraskan Islam. Apa yang unikunya, semua kerajaan ini mempunyai persamaan yang ketara iaitu terbentuk di tepian muara sungai dan terlibat sepenuhnya dalam ekonomi yang bercirikan ekonomi kelautan.

(2) Mengkonsepkan kekuatan pengaruh sungai

Kajian ini memaparkan satu penelitian dan penulisan baru dalam sejarah maritim yang melihat bagaimana menghubungkait, menghurai dan memahami sejarah melalui pembinaan konsep. Pembinaan ini lebih kepada konsep dan elemen-elemen subjek sahaja yang menjadi kerangka kajian dan bukannya mengaplikasi atau mengukur konsep tersebut. Perkara ini cukup penting untuk ditonjolkan dalam kajian kerana bukan sahaja membincangkan aspek sejarah semata-mata tetapi juga untuk menghasilkan pembuktian dan penemuan baru dalam kajian sejarah. Dengan idea tersebut, kajian ini cuba merungkai semula sejarah pembentukan kerajaan Kutai menerusi konsep kekuatan pengaruh sungai. Secara umumnya, konsep sungai dalam dunia maritim menyentuh tiga perkara asas iaitu pertama, pemaknaan, kedudukan geografi, bentuk dan jenis sungai di Asia Tenggara. Apakah maksud sungai? Ini akan dihuraikan secara mendalam dari pelbagai sumber dan pandangan sarjana secara ilmiah. Kedua, kepentingan dan sumbangan sungai dalam pembinaan tamadun dunia. Ketiga, kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara bermula dari muara sungai sebagai asas kepada kajian ini. Sungai secara umumnya dimaknai sebagai satu aliran

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

air tawar yang mengalir melalui saluran di lapisan tanah secara semulajadi, dimulai dari dataran tinggi atau di bukit atau gunung dan mengalir turun dari tinggi ke dataran rendah sehingga sampai ke laut, danau, lembah, teluk dan muara sungai. Keadaan aliran air ini adalah disebabkan oleh tarikan graviti bumi. Sungai mempunyai kepentingan dalam kelangsungan kehidupan manusia bukan sahaja sebagai tempat mencari rezeki tetapi juga sebagai bekalan air, perikanan, perdagangan, perhubungan dan pengangkutan air yang penting sebelum wujudnya pengangkutan lain.

Dengan kepentingan ini sudah tentu sungai menjadi tumpuan pemerintah dan penduduk khususnya dalam menguasai ekonomi dan kekayaan sumbernya. Dari semasa ke semasa, penempatan atau perkampungan yang terletak di muara sungai berkembang pesat sehingga akhirnya menjadi sebuah kerajaan yang terkenal. Begitu juga dengan pembentukan tamadun di seluruh dunia juga bermula dari muara sungai misalnya, tamadun India terletak di sungai Indus; tamadun China terletak di sungai Hwang Ho; tamadun Mesopotamia terletak di Sungai Tigris dan Euphratis. Ini secara faktanya sahaja, tetapi di sebalik pembinaan tamadun mahupun kerajaan itu apa sebenarnya perkara-perkara yang membawa kepada kemunculan ini. Tidak adil sekiranya kita hanya mengaitkan dengan kepentingan sungai sahaja tanpa melihat elemen-elemen lain yang lebih besar dalam mempengaruhi pembentukan tersebut. Oleh itu, kajian ini menggariskan lima (5) elemen kekuatan pengaruh sungai dalam pembentukan kerajaan seperti berikut;

- 1) Kedudukan geografi dan bentuk fizikal sungai utama
- 2) Wilayah luas dan Daerah Aliran Sungai (DAS) panjang
- 3) Populasi penduduk dan penempatan di tebing sungai
- 4) Kegiatan Penduduk di Sungai
- 5) Dasar pemerintahan kerajaan

Kelima-lima elemen ini menjadi kerangka utama kajian bagi mengetengahkan kekuatan pengaruh sungai dalam persoalan pembentukan kerajaan awal. Elemen pertama dan kedua adalah berkaitan dengan geografi fizikal dan bentuk semula jadi, manakala elemen ketiga, keempat dan kelima adalah berkaitan dengan tindakan-tindakan manusia di sungai dalam menghidupkan peranan sungai. Sesebuah kerajaan yang terbentuk mesti mempunyai kedudukan geografi sungai yang strategik sama ada dari segi lingkungan alur pelayaran dan perdagangan utama serta memiliki sungai yang panjang. Walaupun kerajaan awal biasanya terletak jauh dari persisir pantai atau laut tetapi kedudukannya mesti berhampiran atau teping muara sungai utama. Elemen ini cukup penting dalam kerajaan awal berasaskan sungai dan pembentukannya juga banyak dipengaruhi oleh sifat fizikal sungai tersebut. Misalnya, kerajaan Funan yang muncul sekitar abad ke-1M di hilir Sungai Mekong. Kedudukan kerajaan ini sangat strategik iaitu pusat pemerintahannya terletak di bahagian hilir sungai Mekong dan kawasannya meliputi selatan Vietnam, lembah tengah Mekong, lembah Cho Phraya dan Semenanjung Tanah Melayu. Kerajaan ini dihubungkan terus dengan sebuah pelabuhan bernama Oc-eo di Vietnam, Provinsi Long Xuyen. Sungai Mekong mengalir merantasi beberapa kawasan Funan sehingga sampai ke Laut China Selatan. Dengan keadaan ini, kerajaan Funan terlibat dengan aktiviti perdagangan dan mempunyai pelabuhan yang pesat. Maka tidak hairan mengapa Kerajaan Funan terbentuk dan terkenal masa itu dan terbukti dengan wilayah kekuasaan yang luas meliputi sebahagian Indo-China, seluruh Thailand

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

Selatan dan negeri-negeri di utara semenanjung Malaysia. Manakala bentuk fizikal sungai juga menjadi ukuran penting dalam meneliti kemunculan dan kekuatan sesebuah kerajaan awal itu. Umumnya, bentuk sungai dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu hulu sungai, tengah sungai dan hilir atau muara sungai. Untuk mencapai terbentuknya sebuah kerajaan awal, tidak semestinya terletak di muara sungai utama berhampiran dengan persisir pantai atau delta tetapi juga boleh terbentuk di muara hulu sungai akibat daripada pertemuan anak-anak sungai. Ini kerana kerajaan awal tidak hanya bergantung kepada ekonomi berasaskan laut tetapi juga menguasai ekonomi daratan hasil daripada aktiviti-aktiviti penduduk di anak-anak sungai yang jauh ke daratan. Keadaan ini membolehkan bahawa semakin banyak anak sungai di hulunya, semakin kuat kerajaan yang terbentuk di muara sungai tersebut. Inilah elemen pertama yang perlu ada dalam pembentukan kerajaan awal.

Kerajaan awal mesti mempunyai Keluasan wilayah atau daerah aliran sungai (DAS) merentasi beberapa kawasan dari hulu sungai sampai ke muara sungai berhampiran dengan laut. Ini kerana wilayah yang luas meliputi pusat pemerintahan dan wilayah tanah jajahannya memberi banyak manfaat kepada kerajaan khususnya dalam kekuatan kuasa dan pengaruhnya. Manakala DAS yang panjang sudah tentu memberikan kelebihan khususnya dalam menguasai kekayaan sumber semulajadi sama ada sumber daratan mahupun sumber sungai. Antara hasil kekayaan tersebut ialah hasil hutan yang diusahakan oleh penduduk di kawasan pedalaman seperti rotan, sarang burung, kapur barus, pelbagai jenis kayu, nipah dan sebagainya. Semua sumber ini semakin bertambah dengan wujudnya aliran sungai yang panjang merentasi beberapa kawasan pengeluar dan bergantung juga dengan ramainya sumber tenaga manusia yang ada. Misalnya, Sungai Kapus merupakan sungai terpanjang di Indonesia iaitu kira-kira 1,143 km dan berada di Kalimantan Barat. Sungai ini merentasi dari Kabupaten Melawi hingga muaranya di sekitar Kota Pontianak di Selat Karimata. Dengan DAS panjang dan luas, di sungai ini telah terbentuknya sebuah kerajaan iaitu Kesultanan Pontianak pada tahun 1771 oleh Sultan Syarif Abdurrahman Ibni Alhabib Husein bin Ahmad Alkadrie.

Populasi penduduk merupakan elemen yang cukup penting dalam melihat pembentukan dan perkembangan sesebuah kerajaan. Ini kerana jumlah penduduk yang ramai secara tidak langsung menawarkan sumber tenaga kerja yang cukup dalam pelbagai aspek khususnya dalam pembangunan ekonomi. Pelbagai kumpulan etnik yang menjadi penduduk tetap dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu etnik majoriti dan etnik minoriti dalam sistem sosial kerajaan tersebut. Kedua-dua kumpulan etnik ini sebahagian besarnya mendirikan penempatan di tebing sungai atau berhampiran dengan sungai. Pola penempatan ini berhubungkait dengan DAS dan terlibat dalam aktiviti di sungai dan darat sebagai pengeluar sumber utama.

Kerajaan awal yang berasaskan sungai mesti mempunyai sebahagian besar penduduknya terlibat dengan aktiviti-aktiviti di sungai sebagai aktor penting yang menghidupkan peranan sungai dalam kehidupan seharian. Antara aktiviti tersebut ialah seperti perikanan (sumber ikan), perdagangan, perkapalan (budaya perahu), bekalan air dan penangkutan air. Dengan semua aktiviti ini, dari semasa ke semasa menjadi sumber pendapatan penting atau pencarian rezeki kepada penduduk. Lebihan hasil sumber ikan biasanya akan dijual kepada pedagang untuk dibawa ke pelabuhan utama di muara sungai. Sebahagian penduduk lagi terlibat dengan aktiviti-

aktiviti di darat seperti aspek pertanian, pemburuan binatang, mencari hasil hutan dan sebagainya. Pengeluaran semua hasil semulajadi ini memerlukan kemahiran dan teknologi atau peralatan yang digunakan oleh penduduk. Maksudnya, mereka sudah mempunyai kemahiran membuat perahu, peralatan menangkap ikan, ilmu alam dan sebagainya.

Dari aspek dasar pemerintah kerajaan juga elemen yang cukup penting. Perkara ini dilihat dari sudut karakter pemerintah yang menentukan hala tuju sesebuah kerajaan. Sekiranya kerajaan menitikberatkan dasar ekonomi berasaskan sungai dan laut sudah pasti kerajaan itu bercirikan kerajaan maritim dan sebaliknya jika kerajaan itu menjadikan ekonomi berasaskan tanah daratan pasti ianya bercirikan kerajaan agraria. Dasar kerajaan bercirikan sungai perlu mempunyai dasar yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi bercorak maritim dan agraria dalam agenda pemerintahannya seperti dasar perdagangan, dasar pelabuhan dan perkapalan, dasar pembangunan perikanan, dasar perburuhan, dasar perluasan kuasa dan sebagainya. Kerajaan ini juga jelas memainkan peranan besar sebagai penghubung antara ekonomi daratan dan ekonomi maritim.

Dalam konteks Sungai Mahakam, semua elemen ini akan diteliti secara mendalam dari perspektif pengaruh sungai dalam pembentukan Kerajaan Kutai pada abad ke-5M. Secara asasnya, kerajaan awal yang terbentuk adalah bercirikan kerajaan Hindu-Budha dan muncul di darat atau kawasan bukit bergantung dengan keadaan geografi fizikal dan bentuk muka bumi. Walaupun kerajaan ini dikatakan sebagai kerajaan agraria (darat), tetapi tidak dinafikan hubungan luar dengan kerajaan lain juga menjadi dasar pemerintah untuk meluaskan pengaruhnya dan mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah kerajaan yang berpengaruh dan terkenal. Pengaruh kepercayaan Hindu-Budha, hubungan luar dan perdagangan memainkan peranan penting kepada pemerintah dan penduduk terutamanya dalam hal ehwal pemerintahan dan corak sosial kerajaan tersebut. Semua aspek ini meyerap masuk melalui sungai dan laut sebagai alat perhubungan dan pengangkutan dengan dunia luar di rantau Asia Tenggara. Ini bermaksud laut dijadikan sebagai medium utama menghubungkan kerajaan-kerajaan yang terletak di persisir pantai dan pulau, manakala sungai pula berperanan menghubungkan kerajaan-kerajaan yang terletak di muara sungai atau hilir sungai atau kerajaan yang jauh di darat. Keadaan seperti ini sama dengan kerajaan Kutai, walaupun terletak di hulu sungai Mahakam iaitu muara kaman, tetapi pengaruh luar seperti Hindu-Budha, perdagangan dan hubungan luar berjalan lancar melalui sungai Mahakam yang merentasi sampai ke Laut Sulawesi di Teluk Makasar. Akhirnya dari kerajaan yang kecil ke kerajaan yang besar dan terkenal sebagai kerajaan Hindu-Budha tertua di pulau Borneo.

(3) Sungai Mahakam dan Kerajaan Kutai

Berdasarkan rekod dan Prasasti Yupa, kerajaan ini sudah terbentuk pada abad ke-5M yang diasaskan oleh Kundangga (gelaran Anumerta Dewawarman). Ini bermaksud kerajaan ini adalah kerajaan terawal yang wujud di Pulau Borneo. Manakala Kerajaan Kutai Kartanegara atau dikenali sebagai Kesultanan Kutai yang muncul di muara Sungai Mahakam pada abad ke-13M juga menjadi tumpuan kajian ini. Kedua-dua kerajaan ini sangat terkenal dan terbentuk di sungai Mahakam yang mempunyai persamaan dan perbezaan yang ketara. Walau bagaimanapun, hubungan sungai

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

Mahakam dengan pembentukan dan perkembangan kerajaan Kutai tidak boleh dinafikan.

Secara umumnya, pertama kedudukan geografi dan bentuk fizikal sungai Mahakam yang mengalir di Kalimantan Timur merupakan salah satu sungai besar yang "legendaris" dan banyak disebut oleh sejarawan. Sungai ini mempunyai panjang sekitar 920 KM merentasi Daerah Aliran Sungai (DAS) dari wilayah Kabupaten Kutai Barat di bahagian hulu hingga Kabupaten Kutai Kartanegara dan Kota Samarinda di bahagian hilir dan bermuara di Selat Makassar. Di bahagian muara sungai ini membentuk delta dengan lebar sekitar 80 KM dan seluas 1500 KM² berbentuk seperti kipas dan banyak tumbuhan *mangrove*. Keberadaan antara delta dan kawasan hulu atau DAS Mahakam saling berkait erat, di mana kondisi di bahagian hulu sangat mempengaruhi keberadaan hilir sungai atau delta. Kekayaan ekologi atau sumber semulajadi di sungai ini tidak dinafikan lagi dengan terdapat kira-kira 147 spesis ikan, 298 spesis burung dan pelbagai jenis kayu yang tumbuh seperti kayu bakau dan nipah. Terdapat juga sekitar 76 danau tersebar di daerah aliran sungai ini 30 danau terletak di daerah Mahakam bahagian tengah termasuklah tiga danau utamanya iaitu Danau Jempang, danau Semayang dan Danau Melintang (Tirta Pela, 2002:3). Kekutan sungai ini juga dapat dilihat melalui jumlah anak sungai yang dimilikinya, dianggarkan sekurang-kurangnya terdapat 13 anak sungai iaitu Sungai belayan, Sungai Kedang Pahu, Sungai Kedang Kepala, Sungai Batu Bumbun, Sungai Penyinggahan, Sungai Bakung, Sungai berinding, Sungai Telen, Sungai Tenggarong, Sungai Jembayan, Sungai Loa Huar, Sungai Karang Mumus dan Sungai Kedang Rantau. Dengan keunikan dan kekuatan Sungai Mahakam dari segi kedudukan, bentuk fizikal sungai, DAS dan kekayaan sumber semulajadi merupakan salah satu elemen yang cukup penting dalam pembentukkan Kerajaan Kutai pada abad ke-5M dan Kesultanan Kutai kertanegara abad ke-13M.

Foto 1: Sungai Mahakam



Sumber: ARCHIVED - NASA Landsat

Kedua, wilayah luas dan daerah aliran sungai (DAS) Mahakam meliputi lebih 75,000 km² dan merangkumi kawasan hulu, pertengahan dan hilir yang kaya dengan sumber semula jadi. Kawasan hulu menghasilkan hasil hutan seperti damar, rotan,

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo: Satu Tinjauan Umum

gaharu, emas dan hasil sungai, manakala kawasan hilir menjadi pusat perdagangan serta pelabuhan semula jadi. Keluasan DAS ini membolehkan Kerajaan Kutai menguasai pelbagai sumber ekonomi dan mengintegrasikan kawasan pedalaman dengan kawasan pesisir. Dalam teori sejarah sungai, Donald W. Meinig (1979) menjelaskan bahawa lembangan sungai berfungsi sebagai natural territorial unit yang menyatukan kawasan ekonomi, politik dan sosial. Hal ini jelas dapat dilihat di Mahakam apabila seluruh jaringan anak sungai menjadi asas peluasan wilayah Kerajaan Kutai. Ini bermaksud pengaruh Sungai Mahakam menjadi faktor utama dalam sejarah pembentukan Kerajaan Kutai, semakin banyak anak sungai dan panjang sungainya, semakin kuat pembentukan sesebuah kerajaan di muara sungai.

Ketiga, populasi penduduk di DAS Mahakam dalam kawasan kerajaan Kutai Martapura dan Kesultanan Kutai Kertanegara dianggarkan sangat ramai selaras dengan keluasan wilayahnya merangkumi tiga kabupaten pada masa kini iaitu kabupaten Kutai Barat, Kabupaten Kutai Kartanegara dan Kabupaten Kutai Timur. Penduduknya terdiri daripada pelbagai suku bangsa iaitu orang Dayak, orang Kutai dan orang asing. Orang Dayak adalah penduduk asli Kutai. Mereka itu antara lain berasal dari Suku Daijah, Basep, Modang-Wahhau, Modang-LongWai, Modang-Long-Blehh, Bongan, Benuaq, Bentian, Tunjung, Bahau-Modang, Punan. Kebanyakan dari suku-suku ini masih mempunyai kepercayaan animisme (kepercayaan pada roh nenek moyang). Orang Kutai berasal dari Suku Dayak Tunjung yang bercampurbaaur dengan suku Melayu. Mereka ada yang sebahagiannya berkepercayaan animisme dan ada yang beragama Islam. Penduduk Kutai lainnya, orang asing, antara lain, orang Bugis, Tidung, Bajau, Banjar, Jawa, Arab dan Cina. Penduduk Kesultanan Kutai Kertanegara ini mendirikan rumah dan pola penempatan di sepanjang Sungai Mahakam dan cabang-cabang anak sungainya (Ita Syamtasyah Ahyat,33). Menurut terjemahan dari prasasti, "Masyarakat di kerajaan Kutai tertata, tertib dan teratur, memiliki kemampuan beradaptasi dengan budaya luar (India) mengikut pola perubahan zaman dengan tetap memelihara dan melestarikan budayanya sendiri".

Keempat, Kegiatan penduduk di sungai merupakan nadi kepada kegiatan ekonomi masyarakat Kutai. Aktiviti utama termasuk perdagangan, perikanan, pertanian, pengangkutan dan eksploitasi hasil hutan. Pedagang dari India dan wilayah Nusantara menggunakan Sungai Mahakam untuk mendapatkan hasil hutan yang bernilai tinggi seperti damar, rotan dan emas. Sebaliknya, masyarakat tempatan memperoleh tekstil, logam dan barangan mewah daripada pedagang asing. Selain perdagangan, sungai menjadi sumber utama perikanan air tawar serta laluan pengangkutan yang menghubungkan seluruh wilayah kerajaan. Menurut Adrian B. Lopian (2009), sungai dan laut di Nusantara harus dilihat sebagai ruang sejarah (historical space) kerana kedua-duanya membentuk jaringan ekonomi, budaya dan politik masyarakat maritim. Mereka sebahagian besarnya terlibat dengan aktiviti-aktiviti di Sungai Mahakam seperti menjadi nelayan menangkap pelbagai spesis ikan, aktiviti perdagangan dengan perahu-perahu kecil, pembudayaan perahu tradisi dan sebagainya. Tidak dinafikan terdapat juga sebahagian penduduknya terlibat dengan penternakan sapi, bercucuk tanam dan memburu binatang.

Kelima, dasar pemerintahan kerajaan kutai memperlihatkan kekuatan pengaruh sungai cukup penting dan salah satu elemen dalam dalam menentukan pembentukan kerajaan ini. Kehidupan politik Kerajaan ini diwarisi secara turun

temuruan iaitu raja akan mewariskan takha kepada anaknya kemudian cucunya dan seterusnya. Misalnya Maharaja Kudungga, Maharaja Aswawarman (anak Kundungga) dan Maharaja Mulawarman (anak Aswawarman). Dasar yang diamalkan lebih menitikberatkan ekonomi maritim dengan aktiviti pelayaran melalui selat Makassar, pembinaan pelabuhan di Muara Kaman sungai Mahakam, menjalankan sistem perdagangan tempatan dan antarabangsa khususnya dengan India dan China, penguasaan hasil hutan dan hasil sungai mahupun laut, pembinaan kapal atau perahu tradisi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kerajaan ini berakhir semasa Raja Kutai bernama Maharaja Dharma Setia tewas dalam peperangan di tangan Raja Kutai kartanegara ke-13, Aji Pangeran Anum Panji Mendapa. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa pengaruh sungai Mahakam sangat besar dalam pembentukan Kerajaan Kutai Martapura dan Kesultanan Kutai Kertanegara.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini meneliti dari perspektif kekuatan pengaruh sungai Mahakam dalam sejarah pembentukan Kerajaan Kutai. Perkara ini cukup penting, sama pentingnya dengan pengaruh laut iaitu sebagai pentas utama aktiviti-aktiviti manusia yang melahirkan pelbagai aspek ekonomi maritim seperti pelayaran, perdagangan, perkapalan dan pelabuhan, perikanan, perlanungan, pengangkutan dan perhubungan. Semua aspek ini memberikan manfaat dan kekayaan kepada sesebuah kerajaan yang menguasai laut mahupun sungai. Walau bagaimanapun, jika diteliti dalam historiografi maritim jelas menunjukkan bahawa kajian hanya berfokuskan kepada kekuatan pengaruh laut sahaja sebagai medium penentu pasang surut sesebuah kerajaan seperti mana yang dikemukakan oleh Alferd Thayer Mahan dalam *Sea Power Theory*. Teori ini membuktikan bagaimana menentukan sesebuah kerajaan itu adalah kerajaan maritim yang kuat dari segi ketenteraan lautnya untuk menjamin kestabilan politik dan ekonomi. Kata keramat yang sering diungkapkan untuk memperlihatkan kekuatan laut ialah "siapa yang menguasai laut, dialah yang menguasai dunia". Tidak dinafikan teori ini sangat popular dalam dunia maritim sehingga menjadi rujukan kepada sarjana maritim dan peneliti laut di seluruh dunia. Impaknya, kerajaan-kerajaan awal yang berasaskan sungai jauh dari persisiran pantai atau laut tidak ditonjolkan setara dengan kerajaan persisiran pantai atau pulau. Ini kerana teori dan konsep *sea power* tidak sesuai dalam melihat sejarah pembentukan kerajaan awal. Oleh itu, sudah tiba masanya satu kajian yang mengangkat kekuatan pengaruh sungai sebagai pantas utama dalam meneliti sejarah pembentukan kerajaan awal. Penelitian ini akhirnya menemukan satu teori baru dalam dunia maritim iaitu *River Power Theory* dalam membuktikan sejarah pembentukan dan kekuatan sesebuah kerajaan itu.

Bibliografi

- Adrian B. Lopian. 2009. *Orang Laut, Bajak Laut, Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*, Jakarta: Komunitas Bambu
- Ansar Rahman, H.Ja'Achmad dan Muhadi. 2000. *Syarif Abdurrahman Alkadri: Perspektif Sejarah Berdirinya Kota Pontianak*. Pontianak: Pemerintahan Kota Pontianak.
- Aughton, Peter. 2007. *Voyages That Changed the World*, London: Quercus Publishing Plc.
- Bernhard Limbong. 2015. *Poros Maritim*, Jakarta: Penerbit Margaretha Pustaka

Mengkonsepkan Kekuatan Pengaruh Sungai dalam Sejarah Kerajaan Kutai di Borneo:
Satu Tinjauan Umum

- Bianca, Maria Gerlich. 2003. *Marudu 1845: The Destruction and Reconstruction of a Coastal State in Borneo*. Hamburg : Abera.
- Bilcher Bala. 2005. *Thalassocracy: a history of the medieval Sultanate of Brunei Darussalam*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Boyle, Frederick. 2007. *Adventure Among the Dyaks of Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Irwin, Graham (Terj. Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail). 1986. *Borneo Abad kesembilan Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ita Syamtasyah Ahyat, Masyarakat Dayak di Kesultanan Kutai pada abad ke-19, Paradigma, *Jurnal Kajian Budaya*
- Ismail Ali. 2010. *Viking Timur di Kepulauan Borneo*. Kota Kinablu: Universiti Malaysia Sabah.
- King, Victor. 1993. *The People of Borneo*. United Kingdom: Blackwell Publishers.
- Louise E. Levathes. 1994. *When China Ruled The Seas: The Treasure Fleet of the Dragon Throne 1405-1433*, New York: Oxford University Press
- Mohd. Jamil Al-Sufri. 1997. *Tarsilah Brunei: zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran*, jilid 2, Brunei: Pusat Sejarah Brunei.
- Najeeb M.Saleeby. 1963. *The History of Sulu*. Manila: Filipiniana Book Guild.
- Raffles, Thomas Stamford. 1880. *The History of Jawa*, Vol.1, London.
- Reid, Anthony. 1988. *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680*, New Haven: Yale University Press
- Reid, Anthony. 2000. *Charting the Shape of Early Modern Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Reid, Anthony. *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680. Vol. 1: The Lands Below the Winds*. New haven:Yale University Press
- Sanib Said, *Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang*, CREAM - Current Research in Malaysia Vol. 1, No. 1, October 2012
- Slamet Muljana. 2006. Sriwijaya, Yogyakarta: PT LKIS Yogyakarta
- Sofwan Noerwidi, *Beberapa Hasil Penelitian Kutai Mulawarman: Tembikar Muarakaman dalam perspektif kawasan*, Balai Arkeologi Yogyakarta, Indonesia
- Thayer Mahan, Alfert. 1890. *The Influence of Sea Power Upon History, 1600-1783*, Boston: Little, Brown And Company
- Warren, James. 1981. *The Sulu Zone 1786-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press
- Wolters, O.W. 1967. *The Fall of Sirvijaya in Malay History*, Ithaca: Cornell University Press.